



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000  
Fax : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : kpkt\_gov  
Facebook : Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (30)

Tarikh : 24 Julai 2013

**Ketua Pengarang,**

**Akhbar : Sinar Harian & Harian Metro**

**Tarikh : 22 Julai 2013**

**Perkara : Mohon KPKT Campur Tangan & Siapkan Rumah Kami**

**Muka Surat : 18 (Sinar Harian) & 2 (Harian Metro)**

---

Dengan hormatnya artikel bertajuk 'Mohon KPKT Campur Tangan & Siapkan Rumah Kami' bertarikh 22 Julai 2013 adalah berkaitan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) khususnya Jabatan Perumahan Negara (JPN) merujuk kepada artikel tersebut, ingin memaklumkan bahawa Berdasarkan kepada rekod Jabatan Perumahan Negara (JPN), Projek Perumahan Selayang Springs dimajukan oleh Barisan Tenaga Perancang (M) Sdn. Bhd., No. Lesen yang diluluskan ialah 10707-1/09-2013/925, sah dari 8 September 2013 hingga 7 September 2013 manakala No. Permit yang diluluskan ialah 10707-1/2991/2013(03), sah dari 12 Disember 2012 hingga 11 Mac 2013. Projek perumahan ini diluluskan untuk sebanyak 5 fasa

pemajuan namun hanya 2 fasa pembinaan yang dimajukan seperti maklumat di bawah:-

<b>Fasa (Blok)</b>	<b>Jumlah Unit Diluluskan</b>	<b>Jumlah Unit Dijual</b>	<b>Tarikh SPJB Pertama</b>	<b>Tarikh Patut Siap</b>
Fasa 1 (Blok Damar)	284	284	05/02/2009	05/02/2012
Fasa 2 (Blok Cedar)	274	183	09/12/2010	09/12/2013

Projek ini telah dikategorikan SAKIT disebabkan telah melepasi tarikh Surat Perjanjian Jual Beli yang pertama iaitu 5 Februari 2012. Dalam mesyuarat yang diadakan pada 3 Mac 2013, pemaju telah meletakkan sasaran untuk penyerahan kunci bagi Blok 1 iaitu Blok Damar pada Julai 2013 dan bagi Blok 2 iaitu Blok Cedar pada Oktober 2014. Dalam mesyuarat tersebut juga pemaju memaklumkan menghadapi masalah kewangan dan masalah pelantikan kontraktor dan pemaju telah memberi komitmen untuk menyelesaikan perkara tersebut.

Satu lawatan tapak telah dilakukan pada 21 Mei 2013. Hasil lawatan mendapati tiada pekerja didapati dan tiada sebarang kerja dilakukan. Mesyuarat susulan telah diadakan pada 5 Jun 2013 dan pemaju memaklumkan bahawa kerja-kerja di tapak telah berhenti. Pemaju memaklumkan diantara Mac hingga Jun 2013, projek cuba dipulihkan dengan melantik kontraktor ketiga, namun tiada persetujuan diperolehi. Proses penyiapan projek ini juga bertambah rumit disebabkan pertikaian diantara ahli lembaga pengarah syarikat pemaju dan berdepan masalah tindakan mahkamah berkenaan pemilikan projek ini selain

penglibatan Bank Rakyat disebabkan pinjaman bernilai RM 60 juta yang diberikan kepada pemaju. Satu mesyuarat telah diatur yang dijadualkan pada 24 Julai 2013 bersama pemaju bagi membolehkan pihak Jabatan Perumahan Negara mengenalpasti masalah-masalah yang berkaitan dan seterusnya cuba mencari jalan penyelesaian kepada penyediaan projek ini.

Dikeluarkan oleh

***Jessylina Mat Lazim***

***Ketua Komunikasi Korporat***

***Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan***

[jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my)

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*